

PM-KUBANG PASU

1982

JITRA, 7 APRIL (BERNAMA)--SEJARAH PERTENTANGAN DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD, 56 DENGAN HAJI YUSUF RAWA, 59, UNTUK MENENTUKAN MASA DEPAN POLITIK MASING-MASING BERULANG LAGI TETAPI KALI INI DI GELANGGANG BARU IAITU KUBANG PASU.

PERDANA MENTERI AKAN BERTANDING SATU LAWAN SATU DENGAN HAJI YUSUF, TIMBALAN YANG DIPERTUA AGUNG PAS MEREbut KERUSI ITU DALAM PILIHANRAYA INI.

PEGAWAI PENGURUS PILIHANRAYA KAWASAN ITU, ENCIK JAMIL JAMALUDDIN MENGUMUMKAN PENCALONAN DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN HAJI YUSUF RAWA DI PEJABAT DAERAH KUBANG PASU DI SINI PADA PUKUL 12.40 TENGAHARI INI SELEPAS BERLALU TEMPOH BANTAHAN SATU SETENGAH JAM PADA PUKUL 12.30 TENGAHARI.

MENURUT DAFTAR PEMILIH TERBARU, KUBANG PASU MEMPUYAI 43,583 ORANG PENGUNDI.

DATUK SERI DR MAHATHIR DAN HAJI YUSUF RAWA PERNAH BERTANDING MEREbut KERUSI PARLIMEN KOTA SETAR SELATAN DALAM PILIHANRAYA 1969.

HAJI YUSUF MENEWASKAN DR. MAHATHIR YANG KETIKA ITU HANYA CALON BIASA UMNO DENGAN MEJORITI 989 SAHAJA. --BERSAMBUNG 1525/OM

B635

PM-KUBANG PASU 2 JITRA

ENCIK JAMIL JUGA MENGUMUMKAN BARISAN NASIONAL JUGA AKAN DITENTANG SECARA SATU LAWAN SATU OLEH PAS BAGI KERUSI-KERUSI DEWAN UNDANGAN NEGERI DALAM KAWASAN KUBANG PASU IAITU JITRA DAN TUNJANG.

UNTUK TUNJANG, BARISAN NASIONAL HAJI HANAFI RAMLI, 38 AKAN DITENTANG OLEH ENCIK ABU KASSIM LEBAI ABDULLAH, SEORANG PEKERJA SENDIRI.

BAGI JITRA PULA, AHLI EXCO NEGERI KEDAH, DATUK HAJI OSMAN AROF, 43 AKAN DITENTANG OLEH HAJI MOHAMAD ATAU SALLEH YAAKUB, 45, SEORANG PENIAGA.

SEBELUM TEMPOH PENAMAAN CALON TAMAT PUKUL 11 PAGI, SUASANA AGAK MENGLISAHKAN KERANA SEORANG LELAKI BERNAMA SYED MAHATHIR BIN SYED ABDULLAH ALSAGOFF, 32, MENGHAMPIRI BILIK PENAMAAN CALON DAN NAMPAKNYA INGIN BERTANDING SEBAGAI CALON BEBAS.

BAGAIMANAPUN ENCIK JAMIL TIDAK MENGUMUMKAN PENNYERTAAN SEBARANG CALON BEBAS SAMADA BAGI MEREbut KERUSI PARLIMEN ATAUPUN NEGERI. -- BERSAMBUNG 1530/OM

PM-KUBANG PASU 3 JITRA

SELEPAS MENYEMAK KERTAS PENCALONAN, PERDANA MENTERI SERTA DATUK OSMAN DAN HAJI HANAFI TURUN DAN BERDIRI DI BAWAH BANGSAL LEBIH 30 MINIT DI DEPAN BILIK PENAMAAN CALON UNTUK MENUNGGU PENGUMUMAN.

BERIBU ORANG PENYOKONG BARISAN DAN PAS TIDAK MENGHIRAUKAN PANAS TENGAHARI DAN MENERUMONI PERDANA MENTERI.

DEKAT TANGGA PULA, ISTERI PERDANA MENTERI, DATIN SERI DR. SITI HASMAH MENJADI TUMPUAN DAN BELIAU BERAMAH MESRA DENGAN PARA WANITA PENYOKONG BN DAN PAS.

TEPUKAN GEMURUH DIBERIKAN KEPADA PERDANA MENTERI DAN KEDUA-DUA CALON BN UNTUK DEWAN UNDANGAN NEGERI APABILA MEREKA DIPANGGIL NAIK SEMULA KE BILIK PENAMAAN CALON SELEPAS TEMPOH BANTAHAN TAMAT.

PEKIRAN +ALLAHU AKHBAR+ DAN TEPUKAN BERGEMA APABILA ENCIK JANIL MENGUMUMKAN NAMA CALON-CALON. --PERSAMBUNG 1636/AH

PM-KUBANG PASU 4 JITRA

DALAM PILIHANRAYA 1978, DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMENANGI KERUSI KUBANG PASU DENGAN MENGALAHKAN CALON PAS, ENCIK HALIM ARSHAD DENGAN MEJORITI 8,245 UNDI.

HAJI YUSUF RAWA YUSUF RAWA PULA, SELAIN DARI BERTANDING DI KUBANG PASU

DALAM PILIHANRAYA KALI INI, JUGA DICALONKAN OLEH PAS UNTUK MEREbut KERUBI DEWAN NEGERI SUNGAI MINUNG DI PULAU PINANG. --BERNAMA

--1640/OM